

06 APR 2000

Hijrah-Rangkuman

UMAT ISLAM DIAJAK BERSYUKUR DAN TAHU MENGENANG BUDI

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengajak umat Islam di negara ini menanam dan mengamalkan sifat bersyukur dan tahu mengenang budi.

Seri Paduka bertitah sifat bersyukur terhadap segala kebaikan yang dinikmati boleh menimbulkan semangat untuk melipatgandakan usaha menambah kebaikan yang sedia ada dan memperkukuhkan keimanan.

"Bersyukur boleh menimbulkan rasa insaf pada diri, mengenal diri sendiri dan juga menjadikan seseorang itu tahu menghargai jasa dan pengorbanan orang lain.

"Kehidupan kita yang makmur dan aman damai hari ini bukanlah sesuatu yang datang bergolek... dan tanpa perjuangan dan pengorbanan banyak pihak," titah Seri Paduka pada majlis sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil, dekat sini hari ini.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri-menteri Kabinet beragama Islam.

Tema Maal Hijrah tahun ini ialah "Bersyukur Tanda Keteguhan Iman."

Sultan Salahuddin bertitah Allah memberi jaminan mereka yang bersyukur akan beroleh kehidupan yang lebih baik dan sebaliknya jika seseorang itu enggan bersyukur hidupnya akan menghadapi kesukaran.

"Beta yakin umat Islam di negara ini amat memahami hakikat ini dan sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang dimiliki."

Dengan sifat sedemikian umat Islam akan sentiasa berusaha meningkatkan pencapaian hidup dan kerohanian, titah baginda.

Seri Paduka bertitah sambutan Maal Hijrah akan mengingatkan umat Islam kepada peristiwa hijrah nabi Muhammad SAW dari kota Mekah ke Kota Madinah 1,421 tahun lalu yang merupakan titik peralihan perkembangan Islam.

Umat Islam di Malaysia boleh berbangga dengan pencapaian mereka setakat ini terutama dalam urusan mentadbir negara dan memastikan setiap rakyat menikmati kehidupan yang baik.

"Para pemimpin, pentadbir, pengusaha dan seluruh warga negara telah memberi komitmen yang tinggi untuk menjadikan bangsa dan negara ini maju dan makmur," titah Seri Paduka.

Turut berangkat hadir ke majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Pada majlis itu, Tan Sri Ainnuddin Abdul Wahid, 70, seorang jurutera dan tokoh akademik serta cendekiawan diisytiharkan sebagai tokoh Maal Hijrah kebangsaan.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan mahukan umat Islam khususnya di negeri Kelantan yang dilanda perpecahan mengambil peristiwa Hijrah sebagai pengajaran untuk mengukuhkan kembali perpaduan.

"Beta penuh yakin, perpaduan boleh dicapai dalam masyarakat sekiranya semua pihak bersikap jujur, berdisiplin dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya," titah baginda ketika merasmikan majlis sambutan peristiwa Hijrah Rasul peringkat negeri Kelantan, malam tadi.

Baginda bertitah menyatupadukan masyarakat Islam adalah suatu tugas mulia dan hanya boleh ditangani oleh mereka yang benar-benar berjiwa besar yang lebih mementingkan Islam dan umatnya daripada kepentingan-kepentingan lain.

"Masyarakat Islam mulai sekarang perlulah berhijrah dari sikap banyak bercakap kepada banyak bertindak. Kurangkan sikap banyak berhelah dan buruk sangka terhadap orang lain," titahnya.

Pada majlis itu baginda turut berkenan melancarkan pemakaian Takwim

Hijrah serta menyampaikan beberapa anugerah khas kepada pemenang.

Yang turut hadir ialah Raja Perempuan Kelantan, Tengku Mahkota Kelantan, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan anggota Exco kerajaan negeri.

Di ALOR SETAR, Sultan Kedah menyertai perhimpunan Maal Hijrah peringkat negeri di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman. Turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Sambutan bermula malam tadi dengan majlis membaca surah Yassin dan tahlil di Masjid Zahir yang turut dihadiri oleh Sultan Kedah.

Maal Hijrah turut disambut meriah di LANGKAWI dengan majlis ceramah di masjid-masjid dan bacaan Al-Quran malam tadi.

Satu "Forum Perdana" akan diadakan di Masjid A'ishah Sungai Menghulu Kuah malam ini.

Di SIBU, Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce Mohammad Nor malam tadi menasihatkan umat Islam di Sarawak supaya bersatu padu, bekerjasama dan sedia berkompromi dalam mengatasi masalah dan halangan di hadapan mereka.

Semasa bercakap dalam sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di Mesjid An-Nur, beliau berkata antara masalah utama umat Islam kini ialah tidak mudah menerima perubahan.

Ini berlaku kerana mentaliti statik mereka, salah faham terhadap agama, halangan kerana tradisi dan pengaruh negatif dari luar dan mereka mesti berusaha untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah dalam hidupan harian mereka berdasarkan nilai-nilai Hijrah.

Sebelum itu Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dalam ucapannya mengingatkan umat Islam akan perubahan besar dalam era teknologi maklumat (IT) yang mereka tidak boleh lari daripada.

Beliau berkata mereka perlu menerimanya jika tidak ketinggalan dan diketepikan.

Di KANGAR, empat orang dianugerahkan tokoh Maal Hijrah peringkat negeri iaitu bekas speaker Dewan Undangan Negeri Perlis Datuk Kaya Bakti Syed Omar Syed Hussin, 78, imam Masjid Alor Ara Abdul Razak Abdul Rahman, 64, imam Masjid Simpang Empat Salim Shaari, 67, dan aktivis masyarakat Sharifah Azizah Syed Kechik, 61.

Setiap seorang menerima hadiah wang tunai RM1,000 dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Raja Muda Perlis yang mewakili Raja Perlis pada majlis yang berlangsung di Dataran Jubli Emas di sini.

Raja Perlis dalam teks titah ucapan yang dibacakan oleh Raja Muda, sedih dan kecewa dengan perpecahan umat Islam masa kini.

Menurut baginda jika keadaan itu berterusan, ia boleh melumpuhkan kekuatan umat Islam.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai menyertai lebih 2,000 umat Islam pada perhimpunan Maal Hijrah di Dewan Saadah, Wisma Muis di sini. Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Osu Sukam dan beberapa anggota Jemaah Menteri Kabinet Negeri.

Osu dalam ucapannya berkata rakyat negeri itu perlu berjiwa kental bagi membolehkan negara berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Perhimpunan sama turut diadakan di TAWAU yang disertai lebih 5,000 umat Islam.

Di IPOH, Sultan Perak Sultan Azlan Shah bertitah pemupukan ilmu dan tradisi Islam di kalangan masyarakat adalah benteng yang paling teguh bagi menghadapi cabaran budaya dan peradaban yang menyesatkan.

"Jika penguasaan ilmu itu dapat dijayakan dalam beberapa dekad akan datang, sudah pasti ia akan dapat memberikan kesan yang besar dalam mengangkat martabat umat," titah baginda dalam ucapan yang dibacakan oleh Raja Muda Raja Nazrin Shah di majlis sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di sini.

DI KUANTAN, sambutan Maal Hijrah diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah yang disertai oleh wakil Sultan Pahang Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman Sultan Haji Ahmad Shah diiringi oleh Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

Tengku Abdul Rahman turut melancarkan sebuah buku bertajuk 'Teladani Akhlak Rasulullah' terbitan masjid negeri, Masjid Sultan Ahmad 1, Kuantan.

Sebelum itu majlis juga dihidangkan dengan persembahan oleh kumpulan nasyid terkenal Rabbani dan ceramah agama. Satu 'Forum Perdana' akan diadakan di Masjid Negeri malam ini.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Mizan Zainal Abidin menyeru rakyat Terengganu supaya bersyukur dan memberi taatsetia kepada pemerintah untuk keharmonian negara.

Baginda bertitah adalah menjadi kewajipan setiap rakyat memelihara dan mempertingkatkan tahap keharmonian masyarakat dengan menjauhkan diri dari kegiatan-kegiatan negatif yang boleh merugikan semua pihak.

Yang turut hadir ialah Permaisuri Nur Zahirah, Menteri Besar Haji Abdul Hadi Awang, kenamaan negeri serta 1,000 umat Islam di negeri ini.

Sultan Mizan juga meminta rakyat di negeri itu memberikan sumbangan kepada tabung Dana Masjid yang telah dilancarkan dua tahun lepas bagi meninggikan syiar Islam negeri itu.

Terdahulu itu, Abdul Hadi berkata syukur yang sebenar ialah kepatuhan mutlak kepada Allah dengan melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan yang dilarang.

Beliau berkata selain itu kekayaan dan kemewahan tidak akan mendapat keberkatannya jika seseorang itu tidak beriman dan bertakwa kepada Allah.

Di SEREMBAN, Yang di-Pertuan Besar Tuanku Ja'afar bertitah agama tidak boleh digunakan untuk meraih sokongan politik, sebaliknya adalah lebih afdal sekiranya agama digunakan sebagai agen perpaduan masyarakat.

Umat Islam, perlu lebih matang dalam politik dan meningkatkan minda dan intelektual serta menggunakan hujah berasaskan prinsip bernas dan bukan berasaskan ideologi yang lemah yang akan memesong dan mengelirukan agenda sebenar, titah baginda semasa merasmikan sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di Pusat Dakwah Islamiah Paroi, dekat sini. Yang turut hadir ialah Tunku Ampuan Tunku Najihah.

Mufti Kerajaan Negeri Datuk Mohd Murtadza Ahmad, 63, dipilih sebagai tokoh maal hijrah negeri manakala Masjid Qariah Paroi Jaya, Seremban dipilih sebagai masjid contoh.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabuddin dan Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam menghadiri majlis itu di Masjid Al-Azim malam tadi.

Bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim) yang juga bekas Pengerusi Persatuan Ulama negeri, Allahyarham Jaafar Abdul Hamid diumumkan sebagai tokoh Maal Hijrah 1421 peringkat negeri.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir menghadiri sambutan Maal Hijrah di Padang Bandaran Butterworth hari ini.

Beliau turut menyampaikan anugerah tokoh Maal Hijrah peringkat negeri kepada bekas Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Penaga dan bekas Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Hassan Mohamad Noh, 63.

Yang turut hadir ialah Toh Puan Siti Zainab Baharuddin, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid serta Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Maal Hijrah peringkat negeri yang juga Anggota Exco Kerajaan Negeri, Datuk Azhar Ibrahim.

Lebih 5,000 orang yang terdiri daripada anggota pasukan beruniform, pusat pengajian tinggi dan pendidikan, khariah masjid serta sektor swasta menyertai perarakan sejauh tiga kilometer.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman mengingatkan umat Islam di negeri ini supaya memperkukuhkan perpaduan di kalangan mereka

bagi menjamin negeri ini terus menikmati kestabilan dan kemajuan.

Katanya perpaduan perlu dieratkan apabila umat Islam kini menunjukkan bibit-bibit perpecahan dan pemusuhan sesama sendiri

Perpecahan itu disebabkan oleh fahaman yang berbeza-beza yang dibawa oleh kumpulan dan golongan tertentu sehingga sukar untuk dibetulkan segala tindak tanduk mereka, katanya pada majlis sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di Kompleks Islam di sini, hari ini.

"Keadaan ini amat berbahaya serta telah lari daripada akidah Islam yang sebenarnya," katanya sambil meminta semua umat Islam bersyukur dengan segala nikmat yang dikurniakan Allah selama ini.

Abdul Ghani berkata budaya fitnah memfitnah dan penuh prasangka, yang kini menular di kalangan umat Islam negara, juga boleh menjejaskan perpaduan yang dicapai sebelum ini.

Tokoh Maal Hijrah Negeri Johor pada tahun ini ialah Bekas Hakim Mahkamah Syariah Batu Pahat, Haji Abu Bakar Haji Ahmad.

Abu Bakar, 76, yang menghidap penyakit angin ahmar sejak lima tahun lepas, menerima wang tunai RM5,000 dan sijil.

Sementara itu, tokoh saudara baru mithali ialah seorang peniaga, Chua Poh Hwa atau nama Islamnya Mohamad Farhan Chua Abdullah, 35, dari Taman Universiti. Beliau menerima RM3,000 dan sijil.

-- BERNAMA

RAM NAK